

Bumiputera, Mara perlu bekerjasama

Oleh Kadir Dikoh

BH

- 6 NOV 2000

BERBILION ringgit sudah dibelanjakan oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) di samping agensi dan dana lain diwujudkan untuk membantu Bumiputera. Namun, Bumiputera masih ketinggalan dalam hampir semua kegiatan ekonomi.

Ini adalah antara luahan hati Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan perayaan Jubli Emas Rida-Mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara, Jumaat lalu.

Perdana Menteri ingin mengetahui puncanya. Melihat mimik mukanya ketika berucap, memang jelas beliau kecewa dengan pencapaian itu.

Apakah ini kerana kelemahan Mara yang ditubuhkan pada 1950 sebagai Lembaga Kemajuan dan Perusahaan (Rida)? Atau mungkinkah Mara atau agensi lain yang dipertanggungjawabkan cuma mencurahkan wang ringgit tetapi gagal memantau keberkesannya?

Rida yang kemudian dikenali dengan nama Mara pada 1966 sudah menjangkau usia setengah abad - lebih tua daripada kemerdekaan negara dan sentiasa bergerak seiring dengan dasar negara. Persoalannya, Bumiputera ke mana?

Mungkin sudah tiba masanya untuk merombak semula Mara dari segi pendekatannya.

Kerajaan melalui Mara tidak boleh selama-lamanya mencurah berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk membiayai pelbagai program selain melalui program pembiayaan sendiri tetapi hasilnya tidak seberapa.

Dari satu sudut, mungkin hasilnya tidak nampak dalam jangka masa pendek dan lebih kepada soal mengangkat martabat, terutama dari segi pendidikan.

Tidak dinafikan antara projek perintis dan sumbangan terbesar Mara yang menjadi kebanggaan Bumiputera serta menyumbang kepada pembangunan negara ialah penubuhan Institut Teknologi Mara (ITM) pada 1957 yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Yang lain termasuk Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

◆ **Matlamat Mara jelas, iaitu menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera**

◆ **Segala peluang disajikan dan kejayaan tidak akan datang menggolek tanpa usaha yang benar-benar padu**

◆ **Pelbagai dasar kerajaan, termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), tidak akan berjaya jika orang Melayu/Bumiputera sendiri tidak berusaha**

(1964), Amanah Saham Mara (1967), Institut Kemahiran Mara (IKM-1968), Yayasan Pelajaran Mara (YPM-1969), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM-1972), Kolej Profesional Mara/Institut Perdagangan Mara (KPM/IPM-1977), Kolej Mara (1978), Akademi Infotech Mara/Electronic Data Processing School (AIM/EDP-1982), Mara Holdings Sdn Bhd (1985), Pusat Giat Mara (1986), Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM) seperti German-Malaysian Institute (1992), British-Malaysian Institute/Tuan Polytech (1993) dan Malaysia-France Institute (1995).

Melihat senarai ini, projek Mara memang mengagumkan. Sekurangnya itu adalah sumbangan terbesar Mara kepada pendidikan, latihan dan keusahawanan Bumiputera.

Tanpa usaha projek itu, entah berapa jauh Bumiputera ketinggalan berbanding kaum lain.

Tanpa projek ini, entah berapa ramai saja Bumiputera mendapat latihan di institusi pendidikan.

Tanpa tajaan Mara, entah berapa ramai cerdik pandai yang tersekat di tengah jalan kerana ibu bapa miskin. Juga, tanpa bantuan Mara, berapa ramai yang boleh memulakan perniagaan.

Matlamat Mara jelas, iaitu meng-

galak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera. Mara menyusun strategi pelaksanaan melalui program, aktiviti pembangunan usahawan, latihan dan pendidikan, perindustrian dan perkhidmatan secara bersepadu ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

Lebih 300,000 Bumiputera sudah dilatih di 188 institusi pendidikan Mara dan lebih 160,00 orang pula sudah mendapat kemudahan tajaan Mara.

Ini tidak termasuk lulusan kolej YPM dan UiTM. Lebih 130,000 yang lain pula mendapat kemudahan pembiayaan perniagaan mambatkan lebih RM1.2 bilion.

Begitu juga dengan kemudahan ruang niaga dan ruang kilang yang disewa lebih rendah daripada harga pasaran yang berjumlah hampir 4,500 unit/lot di samping memberi latihan keusahawanan dan perkhidmatan sosial kenderaan bas Mara.

Dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran itu, ketika ditanya sama ada kerajaan mahu merangka pendekatan baru terhadap Mara, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji masalah itu dan sebab matlamat memajukan Bumiputera menemui kegagalan.

Sebagai contoh, kerajaan perlu

menyelidik kenapa pelajar lelaki cuma 35 peratus daripada jumlah pelajar Bumiputera sekarang.

Ditanya apakah beliau berpuas hati dengan prestasi Mara, Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah berpuas hati dengan apa pun.

"Mara yang berusaha... yang itu saya puas hati tetapi hasilnya kurang memuaskan berbanding perbelanjaan yang kita buat.

"Mara diberikan modal berbilion ringgit untuk membantu orang Melayu dan Bumiputera lain dalam semua bidang tetapi prestasinya tidak setimpal dengan usaha dan peruntukan, malah kadang-kadang lebih buruk," katanya.

Jelas, apa yang dikiaskan oleh Dr Mahathir itu adalah berkaitan dengan sikap orang Melayu/Bumiputera sendiri.

Segala peluang disajikan dan kejayaan tidak akan datang mengolek tanpa usaha yang benar-benar padu.

Contoh nyata ialah perbuatan menjual baja subsidi atau mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer tetapi digunakan untuk belanja hangus yang lain.

Contoh ini nampak remeh tetapi bukannya perbuatan itu cuba menipu diri sendiri? Usaha murni kerajaan disalahgunakan. Sampai bila Bumiputera akan maju? Bila diberi kontrak, ia pula diberi kepada orang lain untuk mengerjakannya.

Mungkin pihak kerajaan atau pengurusan Mara memikirkan satu pendekatan baru ala 'think tank' untuk mengkaji semua keberkesanan programnya.

Pelbagai dasar kerajaan, termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), tidak akan berjaya selagi orang Melayu/Bumiputera sendiri tidak berusaha.

Semua orang tahu dan mengungkapnya, iaitu 'Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya'.

Tetapi orang Melayu juga yang ramai memenuhi gerai bercakap kosong sepanjang hari sedangkan kaum lain mengejar kekayaan.

Kelahiran Mara adalah seiring dengan pelancaran Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Apabila DEB digubal selepas tragedi 13 Mei 1969, Mara adalah antara agensi yang diberi tanggungjawab secara terus untuk mencapai matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat.

Begitu juga Wawasan 2020 yang meletakkan matlamat untuk menjadi negara maju dari segi ekonomi, sosial, politik, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Maka, Mara sebagai agensi amanah kerajaan akan lebih berperanan untuk sama-sama membantu merealisasikan wawasan murni itu.

Sejarah awal Mara bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu pada Julai 1950 bersetuju menubuhkan sebuah badan atau lembaga khas yang dinamakan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LPKP) atau dikenali sebagai Rida (Rural and Industrial Development Authority).

Allahyarham Datuk Onn Jaafar dilantik sebagai Pengerusi atau Ketua Besar Rida yang pertama.

Matlamat umum Rida adalah untuk memberi keselesaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi orang kampung yang kebanyakannya terdiri daripada petani, pekebun, penternak dan nelayan miskin dengan peringkat awalnya menyediakan kemudahan prasarana pembangunan luar bandar.

Kongres ekonomi Bumiputera pada 5-7 Jun 1965 melalui resolusinya menggantikan Rida dengan nama baru, iaitu Mara, yang dikanunkan pada 1 Mac 1966 bagi memperkemaskan lagi fungsinya.

Apa pun perubahan dan pembaharuan yang dibuat, selagi isu agenda Bumiputera belum selesai, selagi itulah tanggungjawab yang diamanahkan kepada Mara tetap relevan sebagai nadi yang berfungsi memperjuangkan nasib dan harapan Bumiputera dalam menghadapi apa jua cabaran demi kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara, bangsa dan agama.